

Ringgit tak bawah nilai: Nor Mohamed

Malaysia miliki kadar terapung sendiri, beri perhatian utama

BH- 18/3/2007

Oleh Faizā Zainudin

G EORGETOWN: Malaysia menafikan dakwaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kononnya ringgit berada pada paras bawah nilai berikutan pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi negara yang semakin membe-rangsangkan.

Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yacop, berkata kerajaan lebih memahami kedudukan kewangan negara kerana sentiasa memantau dan memberi perhatian utama kepada keadaan itu.

"Biar pasaran menentukan nilai ringgit pada masa kini. Oleh kerana Malaysia ada kadar terapung yang tersendiri, wajarlah kita membiarkan pasaran untuk menentukan nilai ringgit.

"Tolong percaya kepada pengiraan

kerajaan kita sendiri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan syarikat penerbangan komuniti pertama negara, Firefly, di sini, semalam.

FAKTA NOMBOR

Kedudukan ringgit dan ekonomi Malaysia

RM3.50

Nilai ringgit semasa

6%

Kadar pertumbuhan ekonomi 2006

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Pengerusi Malaysia Airlines (MAS), Datuk Dr Munir Majid dan Pengarah Urusan MAS, Idris Jala.

Nor Mohamed diminta mengulas laporan tahunan IMF mengenai ekonomi Malaysia, Jumaat lalu yang melaporkan pertumbuhan ekonomi negara menurun daripada enam peratus pada 2006 kepada 5.5 peratus tahun ini.

Sebahagian daripada ahli lembaga pengarah pertumbuhan itu melihat nilai kejatuhan ringgit dari pandangan jauh.

Mengulas lanjut, Nor Mohamed berkata, golongan terbabit sentiasa mengatakan ringgit berada di bawah nilai.

"Dahulu kata RM3.80 di bawah nilai, kini pada RM3.50 pun mereka kata bawah nilai.

"Barangkali begitu, tetapi siapalah kita untuk menentukannya," katanya.

Ditanya mengenai jumlah pemiutang kad kredit yang semakin tinggi, Nor Mohamed berkata, isu itu tidak membimbangkan kerana 60 peratus daripada pemegang kad kredit menggunakannya sebagai kaedah pembayaran.

"Mereka membuat bayaran balik setiap bulan, namun bilangan 40 peratus itu memang menggunakan kad kredit untuk pinjaman dan turut membayar balik ikut jadual.

"Jadi jumlah mereka yang berhutang kad kredit tidak banyak dan perkara ini boleh diselesaikan jika masing-masing berjimat cermat," katanya yang tidak merancang mengetatkan undang-undang mengenai pengeluaran kad kredit.